

**Lemahnya Perpaduan Ummah Punca Islam Dicabar Pelbagai Pihak - Penasihat Agama PM Bernama**  
**17 Ogos, 2013**

BESUT, 17 Ogos (Bernama) -- Lemahnya perpaduan dalam kalangan umat Islam di negara ini menjadi punca agama Islam diperkotak-katikkan pelbagai pihak yang ingin melihat Islam hancur dan tidak dihormati lagi.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdullah Md Zin berkata disebabkan umat Islam lebih mementingkan politik dan kepentingan kelompok masing-masing, maka usaha menyatukan ummah dari parti berbeza sering gagal.

"Kami cukup sedih agama Islam sering dipermainkan oleh pelbagai pihak termasuk penganut agama lain yang bermula dari isu kalimah Allah hinggalah yang terbaharu membawa kepada penyalahgunaan surau di Johor untuk tujuan ibadat agama lain yang memperlihatkan umat Islam perlu kembali bersatu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis sambutan Aidilfitri Pergerakan Wanita Umno Bahagian Besut yang diadakan di Dewan Majlis Daerah Besut, Gong Kemuntong di sini Sabtu.

Menurutnya, kini ramai pihak berani mempersendakan Islam dengan tujuan ingin memalukan agama Islam kerana menyedari bahawa umat Islam di negara ini, sudah tidak bersatu ekoran perbezaan fahaman politik.

"Kita patut mencontohi Johor yang kemas dalam menjalankan tindakan terhadap isu-isu agama yang membabitkan semua pihak dari peringkat Sultan hingga ke penguasa agama dan rakyatnya dalam menangani isu agama Islam supaya tidak terus dipermain-mainkan oleh mana-mana pihak," tegas beliau.

Dr Abdullah berkata sepatutnya isu agama boleh dihentikan ketika isu kalimah Allah mula digembar-gemburkan, namun oleh kerana terdapat kalangan umat Islam yang menyokongnya, ia terus berpanjangan sehingga ada pihak cuba memainkan isu lain pula.

"Isu agama tidak boleh dipolitikkan kerana ia bukan bahan yang boleh dicampur-adukkan dengan semua agama sebagaimana sesetengah pihak mahukan konsep pluralisme beragama diguna pakai oleh semua," katanya yang juga merupakan bekas anggota Parlimen Besut.

Mengenai pandangan sesetengah pihak yang tidak mahu sesuatu isu agama itu diselesaikan dengan hanya permohonan maaf, Dr Abdullah berkata ia memang sepatutnya tidak boleh dilupakan begitu sahaja.

Katanya, permohonan maaf memang dialu-alukan tetapi pada mereka yang telah melakukan sesuatu tindakan menghina agama Islam sepatutnya dihukum terlebih dahulu sebelum maaf diterima.

"Kalaulah semua isu menghina Islam diselesaikan dengan cara begitu (mohon maaf) nescaya lambat-laun akan timbul pula isu lain yang akhirnya menjadikan Islam tidak dihormati lagi," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970589>